

Impak Kandungan NSFW dalam Twitter terhadap Remaja

Dewi Seribayu Nordin Selat
Ahlam Abdul Aziz*
Wardatul Hayat Adnan

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Emel perhubungan: ahlam@uitm.edu.my*

Abstrak

Kebolehcapaian pengguna kepada akses Internet yang meluas menyebabkan berlakunya peningkatan dalam kadar penggunaan Twitter oleh remaja bagi tujuan berhibur dan mencari maklumat. Pada masa yang sama, Twitter telah berkembang menjadi ruang di mana kandungan NSFW (istilah 'not safe for work' yang merujuk kepada kandungan media sosial yang tidak sopan dan dipenuhi unsur negatif seperti keganasan dan seks) dikongsi secara meluas oleh pihak industri kandungan lucu dan individu yang taksub menyerlahkan kecenderungan nafsu mereka. Oleh itu, remaja yang menggunakan media sosial adalah berisiko terdedah kepada paparan kandungan seksual yang berleluasa di Twitter. Para pengguna remaja itu diandaikan mempunyai darjah kawalan diri yang rendah atau tiada kawalan diri langsung untuk menapis kandungan seksual yang eksplisit daripada muncul di akaun media sosial mereka. Sifat media sosial yang boleh diakses di mana-mana sahaja tanpa sebarang garis sempadan bermakna kandungan lucu itu boleh datang dari mana-mana sumber dan menjengah skrin pengguna remaja, bukan hanya melalui perkongsian daripada rakan dan keluarga sahaja. Makalah ini membincangkan kelaziman bentuk kandungan berbaur seks di Twitter serta kesannya terhadap pengguna remaja. Kajian ini diharap dapat membantu usaha pencegahan bagi menangani kandungan seksual yang berleluasa di alam maya termasuklah memberi pencerahan untuk menangani isu seksualiti dalam kalangan remaja di sekolah dan juga di rumah. Makalah ini telah menggunakan teknik semakan skop sebagai metodologi kajian bagi memenuhi objektif kajian.

Kata Kunci : *Remaja, Kandungan Seksual, Kelucahan, Twitter, Kandungan NSFW.*